

## **Kesediaan atlit universiti terhadap kerjaya usahawan industri sukan**

### **Abstract**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen kesediaan atlit universiti untuk menceburi bidang keusahawanan industri sukan sebagai kerjaya. Aspek yang dikaji berkaitan elemen-elemen seperti sikap, pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan keusahawanan industri sukan. Kajian ini adalah kajian deskriptif iaitu kajian kes dengan melibatkan atlit universiti mengikut program kecemerlangan sukan dan sukan tumpuan di institusi pengajian tinggi. Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik dengan menggunakan skala Likert. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji melalui kajian rintis terhadap atlit universiti. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences. Penemuan kajian menunjukkan atlit universiti mempunyai elemen-elemen kesediaan keusahawanan bidang industri sukan. Hasil kajian ini juga mengenal pasti demografi atlit universiti mempunyai kesediaan untuk menjadikan bidang keusahawanan dalam industri sukan sebagai kerjaya. Selain daripada sikap positif atlit universiti juga memilih elemen pengetahuan dan kemahiran terhadap kesediaan untuk menjadi usahawan industri sukan. Kajian ini mencadangkan kursus keusahawanan industri sukan dalam kalangan atlit universiti sebelum bergraduat sebagai persediaan menceburi bidang keusahawanan industri sukan.